



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 22/2011 (29 Mei hingga 4 Jun 2011)

Sepanjang minggu ke-22 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 29 Mei hingga 4 Jun, sejumlah 369 kes Demam Denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, menurun sebanyak 19 kes berbanding dengan 388 kes dan satu (1) kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Kedah yang meningkat sebanyak 10 kes (250%), Negeri Sembilan 5 kes (39%), Pahang 5 kes (36%), Pulau Pinang 5 kes (12%), Sabah 3 kes (75%), Kelantan 2 kes (25%) dan Perlis meningkat sebanyak 1 kes (100%) (Lampiran A). Pahang merupakan negeri yang telah menunjukkan peningkatan kes sejak 3 minggu berturut-turut.

Bermula dari Januari hingga 4 Jun 2011 sebanyak 8,865 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 11,553 kes berbanding dengan 20,418 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 14 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 78% berbanding 64 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan di Perak yang melibatkan seorang wanita berusia 49 tahun yang bekerja sebagai tukang jahit di Kuala Kangsar. Pesakit yang juga mengalami *Bronchial Asthma* meninggal dunia dengan sebab komplikasi jangkitan Denggi iaitu *Dengue Haemorrhagic Fever*. Kawasan kediaman pesakit bukan kawasan wabak tetapi daripada pemeriksaan yang dijalankan pada 4 Jun 2011 mendapatkan kadar pembiakan Aedes yang sangat tinggi iaitu 21%.

Sehingga minggu ke-22, sejumlah 100 lokaliti wabak telah dilaporkan berlaku di seluruh negara. Pada minggu lepas, terdapat 3 lokaliti *hot spots* dilaporkan di WP Kuala Lumpur iaitu Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat), Menara Orkid dan PPR Cochrane Perkasa (Jln Nakhoda Yusoff) dengan jumlah kes Denggi yang dilaporkan sebanyak 46 kes (Lampiran B). Semua lokaliti *hot spots* tersebut telah menjalankan aktiviti gotong-royong.

Sejajar dengan komitmen negara-negara ASEAN dalam membasmi Denggi maka Hari Denggi ASEAN 2011 akan diadakan buat pertama kalinya pada 15 Jun 2011 di Jakarta, Indonesia. Malaysia juga, bersama-sama dengan pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pengamal media dan masyarakat akan turut serta mengadakan Majlis Sambutan Hari Denggi ASEAN dan Pelancaran Semula COMBI yang akan dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj.Muhyiddin bin Hj.Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 16 Jun 2011 bertempat di HGH Convention Centre, SJK(C) Sentul, Kuala Lumpur.

Pihak KKM berharap masyarakat awam sentiasa mengambil berat tentang situasi Demam Denggi serta mengambil bahagian dan memainkan peranan dalam usaha mencegah Denggi. Pastikan tiada

tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran kediaman serta menjayakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan masing-masing bersama ahli masyarakat setempat. Mencegah Denggi adalah tanggungjawab individu, masyarakat serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan, selaras dengan tema Hari Denggi ASEAN 2011 untuk Malaysia iaitu “Membanteras Denggi Adalah Tanggungjawab Semua”.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 29 Mei hingga 4 Jun 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 561 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

8 Jun 2011

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 22/2011
(29 Mei hingga 04 Jun 2011)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 22/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 22/2010
		Minggu 22 (29 Mei – 4 Jun 2011)	Minggu 21 (22 – 28 Mei 2011)		
1	Perlis	1	0	28	63
2	Kedah	14	4	213	333 (2)
3	P. Pinang	46	41	833 (1)	486 (2)
4	Perak	19 (1)	20	560 (2)	784 (2)
5	Selangor	143	178	3,308 (3)	9,375 (29)
6	WPKL & Putrajaya	50	52 (1)	765 (1)	2,314 (4)
7	N. Sembilan	18	13	338	967 (4)
8	Melaka	6	12	199	247 (4)
9	Johor	22	22	829 (4)	1,391 (6)
10	Pahang	19	14	447 (1)	527 (1)
11	Terengganu	4	5	350 (1)	406
12	Kelantan	10	8	300 (1)	573 (2)
13	Sarawak	10	15	464	2,081 (7)
14	Sabah	7	4	226	863 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	MALAYSIA	369 (1)	388 (1)	8,865 (14)	20,418 (64)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
22 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	25	53
2	WPKL	Kepong	Menara Orkid	17	51
3	WPKL	Pusat Bandar	PPR Cochrane Perkasa (Jln Nakhoda Yusoff)	4	30

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 22
BAGI TAHUN 2011
(29 Mei hingga 04 Jun 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Pusat Bandar	PPR Cochrane Perkasa (Jln Nakhoda Yusoff)	1.2	1